

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD**  
**IMRAN BIN ABD HAMID (B) [ LUMUT ]**  
**TARIKH : 18 MEI 2015**  
**SOALAN :**

**YB Laksamana Pertama Mohamad Imran Bin Abd Hamid (B) [Lumut]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah membasmi tibi setelah mendapati tujuh (7) pelajar Kolej Matrikulasi Johor dijangkiti wabak ini, begitu juga dengan kematian Dr. Iskandar Rosli di Hospital Sungai Buloh yang dikatakan disebabkan penyakit ini.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum bahawa penyakit Tibi merupakan penyakit berjangkit kedua utama di Malaysia selepas Denggi. Pada tahun 2014, sejumlah **24,711 kes** (kadar notifikasi 81 setiap 100,000 penduduk) telah direkodkan iaitu peningkatan sebanyak **2.7%** berbanding **24, 071 kes** pada tahun 2013.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Penyakit Tibi merebak melalui udara dan boleh menjangkiti sesiapa sahaja yang berada berdekatan, apabila individu yang telah dijangkiti

*Mycobacterium Tuberculosis* tersebut batuk atau bersin. Penyakit Tibi lebih mudah merebak di kawasan atau institusi seperti Pusat Koreksional, Pusat jagaan serta Kediaman asrama kerana kepadatan penduduk.

Berkaitan kes tujuh (7) pelajar Kolej Matrikulasi Johor yang dijangkiti penyakit Tibi, Kementerian Kesihatan telah melakukan perkara berikut;

- i. Aktiviti siasatan kes, saringan kontak dan pendidikan kesihatan telah dilakukan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Ledang setelah menerima notifikasi penyakit Tibi dari Klinik Kesihatan Paya Mas;
- ii. Sejumlah 2,708 pelajar serta kakitangan KMJ telah disaring penyakit Tibi. Daripada jumlah tersebut didapati empat (4) pelajar positif saringan kahak dan telah dimulakan rawatan Tibi manakala 3 kes lagi adalah melalui ujian dan pemeriksaan dari Klinik Kesihatan Paya Mas. Kes-kes yang di dalam rawatan akan disusuli di dalam program pengurusan rawatan atau *Directly Observed Therapy (DOT)*;
- iii. Pengasingan bagi pergerakan pelajar, penggunaan topeng muka (*face mask*) dan penerangan etika batuk bagi individu yang mempunyai gejala Tibi telah dilakukan bagi pencegahan penularan penyakit ini. (Ringkasan laporan wabak seperti di Lampiran 1); dan
- iv. Secara keseluruhannya, Kementerian sentiasa berusaha memperkukuhkan Pelan Strategik Kawalan Tibi Kebangsaan (2011-2015) dengan fokus utama pengesanan dan rawatan awal penyakit Tibi sehinggalah pesakit sembuh.

## Tuan Yang Di Pertua,

KKM sentiasa peka bahawa selain rakyat biasa, anggota kesihatan termasuklah doktor yang merawat pesakit juga mempunyai risiko yang tinggi mendapat penyakit Tibi. Pada tahun 2014, rekod Kementerian menunjukkan sejumlah **273 kes** Tibi berlaku di kalangan Anggota Kementerian Kesihatan Malaysia berbanding **249 kes** pada tahun 2013 (Lampiran 2).

Untuk makluman, Dr. Iskandar Rosli disahkan telah dijangkiti penyakit Tibi jenis Pulmonari Tibi- kahak Negatif dan penyebab kematian beliau adalah disebabkan oleh komplikasi penyakit lain dan bukanlah disebabkan oleh Tibi.

Kementerian sentiasa memperkukuhkan Program Pencegahan Tibi di semua lapisan masyarakat termasuklah anggota kesihatan sepertimana berikut;

- i. Saringan secara sistematik Tibi aktif di kalangan anggota kesihatan yang berisiko bagi tujuan pengesanan dan rawatan awal. Pada tahun 2013, sejumlah 30,331 anggota kesihatan telah disaring dan 33 anggota dikesan dan dirawat penyakit Tibi aktif;
- ii. Pelaksanaan operasi *Guidelines on Prevention and Management of Tuberculosis for Healthcare Workers in Ministry of Health Malaysia (2012)* di semua kemudahan kesihatan;

- iii. Mengadakan latihan dalam perkhidmatan berkaitan Kawalan Jangkitan berkaitan pencegahan penyakit Tibi kepada semua kategori anggota kesihatan secara berterusan dan berkala; dan
- iv. Memastikan anggota kesihatan sentiasa mengamalkan amalan *Standard Precaution-Personnel Protection Equipment (PPE)* untuk melindungi daripada jangkitan Tibi.

**Tuan Yang Di Pertua,**

KKM sentiasa berusaha memperkukuhkan program pencegahan dan rawatan Tibi di Malaysia. Hasrat Kementerian adalah selaras dengan misi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu menamatkan epidemik Tibi menjelang tahun 2050.